



Lima pesilat handalan negara kecundang

27 AUG 1989

2
B. Minggu (M)

LIMA pesilat negara termasuk juara dunia, Ahmad Wardi Salim gagal membawa cabaran negara ke perlawanan akhir di Kompleks Sukan Petronas, Bangi petang semalam.

Pesilat yang kecundang di separuh akhir, semalam ialah Zakri Ibrahim (Kelas D), Izan Ismail (I), Wan Amizah Wan Ahmad (B) dan Rohana Manaf (D).

Lebih memalukan, empat pesilat negara itu tumpas kepada pesilat Thailand, Singapura dan Brunei yang sebelum ini tidak diberi perhatian di gelanggang persilatan antarabangsa.

Zakri tumpas kepada Kampanat Keawdamrongchai @ Sulaiman dari Thailand, Izan Ismail ditundukkan oleh Sheikh Awaluddin Yaacob (Singapura), Wan Amizah kecundang kepada Monit Sookkaew (Thailand) dan Rohana Manaf disingkirkan oleh juara dunia, Ni Made Wahyuni dari Indonesia.

Bagaimanapun, kekalahan Ahmad Wardi begitu mengecewakan. Ini kerana dia lebih banyak melepas tendangan dan tumbukan tepat kepada Faudillah Mohd Ali dari Brunei.

Ketua jurulatih kebangsaan, Sani Morni

turut menyatakan rasa-kesal dengan keputusan juri yang memihak kepada Faudillah.

Tetapi katanya: "Memandangkan temasya ini untuk mengeratkan semangat setiakawan serumpun, kami tidak membuat sebarang bantahan rasmi. Kami terima keputusan itu dengan semangat kesukanan sekalipun pahit."

Bagaimanapun, Sani percaya matlamat untuk mengutip lima pingat emas tetap ada. Ini kerana masih ada pesilat harapan yang akan turun ke gelanggang, petang esok.

Petang ini, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, Azam Haji Abbas, Azam Mukhtar, Abdul Rauf Abdullah, Ruzaidi Abdul Rahman, Ahmad Khusairi Ibrahim dan Haslina Shaharuddin akan menentukan tempat ke perlawanan akhir.

Sementara itu, tiga pesilat Indonesia, Thailand (2), Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam masing-masing menempah satu tiket di perlawanan akhir.

Zaleha Suradi menjadi pesilat pertama layak ke perlawanan akhir setelah mencatat kemenangan yang memberangsangkan ke atas Feazah Mohd Noor dari Singapura, kelmarin.

27 AUG 1989
Mengeluh jadi wabak Berita Minggu
BIASANYA, kita sering mendengar keluhan wartawan-wartawan luar negeri mengenai tempat gelanggang yang jauh antara satu sama lain.
Kini, keluhan serupa itu juga kedengaran di kalangan para pegawai dan jurulatihnya.
Umpamanya, seorang pegawai pasukan silat Singapura mengadu tempat acara itu yang terletak di Bangi begitu jauh dari hotel penginapan. Bukan itu saja, acara ini pula diadakan pada sebelah malam.